



**KUNJUNGAN HORMAT...** Rombongan terdiri daripada pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS ketika mengunjungi pejabat ADUN Nangka Awang Beme Bin Haji Awang Ali Basah.

## 7 pensyarah UNIMAS adakan lawatan ke Sibul

SIBU, Sabtu: Seramai tujuh orang yang terdiri daripada Pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) baru-baru ini telah mengadakan lawatan ke

Sibu.

Rombongan tersebut diketuai oleh Profesor Dr Hashami Bohari.

Rombongan berkenaan dalam rangka lawatan ke Hospital Sibu dan Poliklinik Lau King Howe

dekat sini.

Sepanjang berada di Sibu juga, rombongan berkesempatan mengadakan kunjungan hormat ke atas ADUN Nangka Awang Beme Bin Haji Awang Ali Basah.